



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1978

DR.21/1978

Naskah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan bagi menubuh dan mentadbir suatu Kumpulanwang bagi maksud membiayai penyelidikan dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1978, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

Pemakaian.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“ahli” ertinya ahli Lembaga, dan termasuklah ahli gilir;

“Institiut” ertinya Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia yang akan ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“kelapa sawit” ertinya jenis dari janas *Elaeis* dan termasuklah kacukan dari jenis-jenis ini dan kacukan-kacukan hasil dari campuran jenis-jenis ini dengan apa-apa jenis palma yang lain;

“keluaran-keluaran kelapa sawit” ertinya keluaran-keluaran yang didapati terus dari kelapa sawit atau kesemuanya atau sebahagiannya dikilang dari keluaran-keluaran itu;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 8 dan termasuklah seorang Timbalan Ketua Pengarah;

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

“Lembaga” ertinya Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perusahaan kelapa sawit;

“minyak kelapa sawit” ertinya minyak, sama ada dalam bentuk mentah atau diproses selanjutnya dari, dikeluarkan dari buah dan biji kelapa sawit;

“Pegawai, penjawat atau ejen” ertinya pegawai, penjawat atau ejen Lembaga;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 3; dan

“program yang diluluskan” ertinya program yang diluluskan oleh Lembaga.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Penubuhan
Lembaga.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit, yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa untuk memperolehi dan memegang, melupuskan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih dan harta takalih dan yang boleh mendakwa atau didakwa atas nama perbadanannya.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari ahli-ahli berikut yang mana hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (i) seorang Pengerusi;
- (ii) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab atas perusahaan kelapa sawit;
- (iii) seorang wakil Perbendaharaan;
- (iv) seorang wakil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;
- (v) tiga orang wakil daripada pengeluar-pengeluar kelapa sawit dan seorang wakil daripada penapis-penapis minyak kelapa sawit;
- (vi) seorang wakil Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit; dan
- (vii) beberapa orang lain, tidak lebih daripada tiga bilangannya, bagi mewakili lain-lain kepentingan perusahaan kelapa sawit atau Kerajaan.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menjadi seorang ahli Lembaga.

(4) Ahli-ahli hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang difikirkan oleh Menteri layak dan berpengalaman dalam perkara-perkara berhubung dengan sains, teknologi, pemasaran, kewangan atau pentadbiran dalam perusahaan kelapa sawit.

(5) Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya dan melaksanakan tugas-tugasnya mengikut Jadual.

4. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan tiap-tiap seorang ahli, lain daripada Pengerusi, melantik, apabila ahli itu dinamakan, seseorang sebagai penggilirnya bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga yang tidak dapat dihadiri olehnya atas apa-apa sebab. Ahli gilir.

(2) Seseorang hendaklah, melainkan ia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti daripada menjadi seorang ahli gilir jika ahli yang baginya ia menjadi penggilir itu terhenti daripada menjadi ahli.

Fungsi-
fungsi
Lembaga.

5. Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk menjalan dan menganjurkan penyelidikan mengenai pengeluaran, pengambilan, pemerosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran, pemakaian dan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit;
- (b) untuk mendapatkan, di mana kepentingan awam atau kepentingan perusahaan kelapa sawit memerlukan, apa-apa hasil penyelidikan dimajukan atau dieksploitasi, yang mana pada pendapat Lembaga tidak dimajukan dan dieksploitasi atau tidak dimajukan atau dieksploitasi dengan secukupnya;
- (c) untuk memperolehi, memegang, melupuskan atau memberi hak-hak berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga atau, di mana kepentingan awam atau kepentingan perusahaan-perusahaan kelapa sawit dan minyak kelapa sawit memerlukan, berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang atau pertubuhan;
- (d) untuk mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti dan dasar-dasar semua pertubuhan penyelidikan dan kemajuan yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian besarnya dari Kumpulanwang;
- (e) untuk memastikan supaya ia sentiasa diberitahu dengan sepenuhnya akan aktiviti-aktiviti dan dasar-dasar semua pertubuhan penyelidikan dan kemajuan yang dibiayai sebahagiannya oleh Kumpulanwang;
- (f) mengumpul, menyatukan dan menyebar maklumat berkenaan dengan kelapa sawit, minyak kelapa sawit, keluaran-keluaran kelapa sawit dan lain-lain minyak dan lemak sayur-sayuran dan binatang, dan untuk menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit berasingan dengan bahan-bahan lain atau sebagaimana komplementari kepadanya;
- (g) untuk menyelaras aktiviti-aktiviti di dalam dan di luar Persekutuan berhubung dengan penyelidikan, kemajuan, publisiti dan lain-lain perkara berkenaan dengan perusahaan-perusahaan kelapa sawit dan minyak kelapa sawit;

(h) untuk memberitahu Menteri sepenuhnya semua perkara berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan perusahaan-perusahaan kelapa sawit dan minyak kelapa sawit; dan

(i) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Lembaga boleh melakukan segala perkara yang menasabah perlu bagi, atau munafaat atau bersampingan dengan, penjalanan fungsi-fungsinya, khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan seksyen ini—

(a) mengikat kontrak dengan atau mentauliah mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan; dan

(b) mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan perunding bagi orangramai.

6. Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, memberi kepada Lembaga arahan-arahan secara am tentang penjalanan fungsi-fungsinya, dan Lembaga hendaklah mematuhi apa-apa arahan itu.

Arahan-arahan am.

BAHAGIAN III

INSTITIUT

7. (1) Lembaga hendaklah menubuh dan mengurus suatu instituit penyelidikan yang akan dinamakan Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Institiut.

(2) Lembaga hendaklah, berhubung dengan Institiut—

(a) menetapkan bilangan dan gred kakitangan dan pakar-pakar yang dikehendaki oleh Institiut;

(b) melantik kakitangan Institiut (lain daripada Ketua Pengarah dan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah);

(c) menentukan prioriti aktiviti-aktiviti penyelidikan Institiut dan meluluskan program-program penyelidikan tahunan dan anggaran perbelanjaan yang perlu bagi menubuh dan menjalankan kerja dan pentadbiran Institiut;

(d) memastikan supaya program-program yang diluluskan dijalankan dengan sewajarnya dan perbelanjaan dilakukan mengikut anggaran;

(e) memastikan supaya perbelanjaan bagi penubuhan, pentadbiran dan penjalanan program-program yang diluluskan adalah mengikut anggaran; dan

(f) mempunyai apa-apa kuasa lain yang perlu bagi pengurusan Institiut.

Ketua
Pengarah
dan
Timbalan-
timbalan
Ketua
Pengaruh.

8. (1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri seorang Ketua Pengarah dan seorang atau beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah Institiut.

(2) Ketua Pengarah dan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah hendaklah dilantik atas apa-apa had dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Kuasa-
kuasa dan
tugas-tugas
Ketua
Pengaruh
dan
Timbalan-
timbalan
Ketua
Pengaruh.

9. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Institiut dan hendaklah, selain daripada mempunyai apa-apa kuasa dan tugas-tugas yang dinyatakan dalam seksyen-kecil (2) atau yang difikirkan patut oleh Lembaga diberi kepada atau dikenakan ke atasnya, mempunyai semua kuasa dan tugas yang perlu bagi menjalankan pentadbiran dan fungsi-fungsi teknik Institiut.

(2) Ketua Pengarah hendaklah—

(a) menghantar untuk diluluskan oleh Lembaga—

(i) program-program penyelidikan tahunan dan cadangan-cadangan kewangan yang berkaitan dengannya; dan

(ii) anggaran perbelanjaan yang perlu untuk menjalankan pentadbiran Institiut;

(b) memastikan supaya program-program yang diluluskan dilaksanakan dengan sewajarnya dan perbelanjaan bagi menjalankan program-program yang diluluskan dan bagi pentadbiran Institiut adalah mengikut anggaran-anggaran yang diluluskan oleh Lembaga; dan

(c) sentiasa memberitahu Lembaga dengan sepenuhnya akan progres penyelidikan, kerja kemajuan dan penasihat, dan menyediakan dan mengemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang boleh selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan suatu laporan mengenai pentadbiran Institiut yang disertakan

dengan suatu penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun yang baru sahaja berakhir bersama dengan suatu kunci kira-kira seperti pada akhir tahun itu.

(3) Pada menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugasnya, Ketua Pengarah hendaklah dibantu oleh Timbalan-timbalan Ketua Pengarah.

(4) Jika Ketua Pengarah tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya oleh sebab sakit, tidak ada atau apa-apa sebab lain, salah seorang dari Timbalan-timbalan Ketua Pengarah hendaklah menjalankan fungsi-fungsi Ketua Pengarah.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

10. (1) Maka hendaklah ditubuh dan disenggara suatu kumpulanwang bernama Kumpulanwang Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit yang mana hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga.

Penubuhan
Kumpulan-
wang
Penyelidi-
kan
Minyak
Kelapa
Sawit.

(2) Yang berikut hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang :

(a) apa-apa bantuan wang yang diberi kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;

(b) semua wang yang dipungut di bawah seksyen 14;

(c) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 11;

(d) semua wang yang didapati atau yang timbul dari apa-apa pelaburan di bawah seksyen 12 atau dari apa-apa harta, gadaijanji, gadaian atau debentur; dan

(e) wang yang diterima dari sumber-sumber lain.

(3) Kumpulanwang hendaklah digunakan bagi membayar yang berikut :

(a) perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga dalam mentadbir Kumpulanwang dan dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;

- (b) perbelanjaan-perbelanjaan bagi penyelidikan dan kemajuan berkenaan dengan pengeluaran, pengambilan, pemerosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran, pemakaian dan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit;
- (c) penyibaran maklumat dan publisiti dengan bertujuan untuk menggiatkan bertambahnya atau pembaikan dalam pengeluaran, pemasaran dan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit;
- (d) memperuntukkan wang kepada Instituti dan kepada mana-mana pertubuhan lain yang difikirkan munafaat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan, kemajuan atau publisiti;
- (e) sumbangan-sumbangan kepada badan-badan antarabangsa yang mana Persekutuan adalah suatu negara peserta yang menguruskan perbekalan dan permintaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit atau penyelidikan mengenai atau kemajuan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit; dan
- (f) pembayaran balik wang-wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 11.

Kuasa
untuk
meminjam.

11. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, dan selepas berunding dengan Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya.

Kuasa
untuk
melabur.

12. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan selepas berunding dengan Menteri Kewangan, melabur Kumpulanwang atau apa-apa bahagiannya, yang tidak dikehendaki dengan segera bagi menjelaskan tanggungan-tanggungan atau menjalankan fungsi-fungsinya, dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada masa itu dibenarkan bagi pelaburan wang-wang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Penge-
cualian
duti
setem.

13. Lembaga hendaklah dikecualikan dari apa-apa bayaran yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan duti setem.

BAHAGIAN V

SES

14. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga dan dengan Menteri Kewangan, membuat perintah-perintah untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan ses penyelidikan ke atas minyak kelapa sawit; dan perintah-perintah itu hendaklah menyatakan jenis, amaun dan kadar dan cara pemungutan ses. Ses
penyelidi-
kan.

(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam sesuatu perintah itu, ses tersebut hendaklah disifatkan, bagi maksud-maksud memungut dan menguatkuasakan pungutan, sebagai duti kastam yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967. 62/67.

(3) Tiap-tiap perintah tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang praktik selepas perintah itu disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VI

ODIT DAN LAPORAN TAHUNAN

15. (1) Lembaga hendaklah menyimpan akaun-akaun wajar dan rekod-rekod wajar mengenai akaun-akaun itu dan hendaklah menyediakan mengenai tiap-tiap tahun kewangan Lembaga, suatu penyata akaun dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Menteri. Akaun
dan odit.

(2) Akaun-akaun Lembaga hendaklah diodit oleh juru-odit-juruodit yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga.

(3) Selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan, selepas sahaja akaun-akaun Lembaga diodit, Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30hb Jun tiap-tiap tahun, menyebabkan satu salinan penyata-penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan pandangan yang dibuat oleh juruodit itu mengenai sesuatu penyata akaun atau mengenai akaun-akaun Lembaga.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan penyata-penyata akaun dan satu salinan pandangan yang dihantar kepadanya di bawah seksyen-kecil (3) dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Maklumat
dan
laporan
tahunan.

16. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan diberi kepada Menteri apa-apa maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Lembaga sebagaimana dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan dikemukakan satu laporan mengenai aktiviti-aktivitinya, yang disertakan dengan satu penyata perbelanjaan dan hasilnya, kepada Menteri. Menteri hendaklah menyebabkan dibentangkan satu salinan tiap-tiap laporan Lembaga di dalam Dewan Rakyat.

BAHAGIAN VII

TAMBAHAN

Pindaan
bagi
seksyen
3 (a)
Akta 11
dan
peman-
suhan
seksyen-
seksyen
15 (5),
15 (6),
15 (7) dan
16 (3)
Akta 179.

17. Apabila sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini—

- (a) seksyen 3 (a) Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969, hendaklah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “dan kelapa sawit” selepas sahaja perkataan “getah”; dan
- (b) seksyen-seksyen 15 (5), 15 (6), 15 (7) dan 16 (3) Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976, hendaklah dimansuhkan.

JADUAL

(Seksyen 3 (5))

1. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan—
 - (a) perlantikan ahli-ahli dan tempoh-jawatan dan kekosongan jawatan mereka; dan
 - (b) penyempurnaan suratcara-suratcara tertentu dan bukti mengenai apa-apa dokumen yang berupa sebagai disempurnakan, dikeluarkan dan ditandatangani oleh Lembaga atau seorang ahli atau pegawainya.
2. Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya oleh sebab sakit, tidak ada, atau apa-apa sebab lain, Menteri hendaklah melantik dari antara ahli-ahli lain seorang Pengerusi sementara bagi menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas Pengerusi.
3. (1) Dalam sesuatu mesyuarat Lembaga, enam orang ahli hendaklah menjadi korum.
- (2) Keputusan Lembaga hendaklah diambil mengikut lebih suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Pengerusi hendaklah mengundi sebagai seorang ahli tetapi jika bilangan undi didapati sama banyak ia tidaklah berhak memberi undi pemutus dan dalam hal yang demikian ia hendaklah merujuk soal itu kepada Menteri, yang mana keputusannya adalah muktamad.

(4) Tertakluk kepada perenggan 2, jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih dari antara mereka seorang Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

4. Lembaga hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya empat kali mesyuarat dalam tiap-tiap satu tahun.

5. Pengerusi atau mana-mana empat orang ahli boleh memanggil sesuatu mesyuarat Lembaga.

6. Meteri Lembaga hendaklah dilekatkan di hadapan Pengerusi dan seorang ahli lain yang mana hendaklah menandatangani tiap-tiap suratikatan atau lain-lain dokumen atau suratcara yang dimeterikan itu dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa meteri itu telah dilekatkan dengan sewajar dan sempurna dan bahawa meteri itu adalah meteri Lembaga yang sah di sisi undang-undang.

7. Tertakluk kepada perenggan-perenggan 1, 2, 3, 4 dan 5, Lembaga boleh mengatur tatacaranya sendiri.

8. (1) Menteri hendaklah menentukan had-had dan syarat-syarat perlantikan dan saraan Pengerusi.

(2) Menteri boleh menentukan elaun yang akan dibayar kepada ahli-ahli bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga.

(3) Perlantikan tiap-tiap ahli hendaklah disiarkan dalam *warta*.

9. Tiada seorang ahli bertanggung atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dilakukan olehnya dalam mentadbir Lembaga melainkan kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh perbuatan atau kemungkinannya yang sengaja.

10. Lembaga hendaklah, berhubung dengan pegawai-pegawai, penjawat-penjawat dan ejen-ejen—

(a) membayar apa-apa saraan yang ditentukan oleh Lembaga; dan

(b) tertakluk kepada kelulusan Menteri, memperuntukkan bayaran pencen, ganjaran atau lain-lain faedah seumpamanya di atas kematian atau persaraan mana-mana pegawai, penjawat atau ejen.

11. Lembaga boleh mengadakan peruntukan bagi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah seumpamanya di bawah Jadual ini sama ada melalui perkiraan carum atau tanpa carum atau perkiraan carum sebahagiannya oleh Lembaga dan sebahagiannya lagi oleh pegawai, penjawat atau ejen, di bawah suatu skim yang akan ditetapkan oleh Menteri dengan peraturan-peraturan.

12. (1) Lembaga boleh melantik apa-apa jawatankuasa dari ahli-ahlinya, dengan atau tanpa orang-orang lain, sebagaimana ditetapkannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan Lembaga, sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan-kecil (1) hendaklah menentukan korum dan tatacaranya sendiri.

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan bagi penubuhan dan pentadbiran suatu Kumpulanwang bagi maksud membiayai penyelidikan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Lembaga akan ditubuhkan di bawah *fasal 3* Bahagian II yang mana, bersama dengan Jadual, mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Lembaga, seperti tugas-tugasnya dan kuasa-kuasa pentadbirannya (*fasal 5*), keanggotaannya, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawatnya, dan perjalanannya.

3. Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan bagi penubuhan suatu instituit penyelidikan yang akan dinamakan Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (*fasal 7*). Bahagian ini juga mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Lembaga, seperti tugas-tugas dan kuasa-kuasa pentadbirannya berhubung dengan Institiut dan mengandungi peruntukan bagi perlantikan dan tugas-tugas Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Institiut.

4. Bahagian IV mengandungi berbagai-bagai peruntukan kewangan termasuk penubuhan Kumpulanwang Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (*fasal 10*).

5. Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mengenakan ses penyelidikan ke atas minyak kelapa sawit.

6. Bahagian VI mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan menyediakan penyata-penyata akaun dan laporan tahunan Lembaga.

7. Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan tambahan (*fasal 17*) yang bertujuan meminda Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 supaya dikeluarkan kelapa sawit dari kuatkuasa Akta tersebut dan memansuhkan seksyen-seksyen 15 (5), 15 (6), 15 (7) dan 16 (3) Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 supaya dikeluarkan penganan ses penyelidikan ke atas minyak kelapa sawit dari kuatkuasa Akta tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan, yang mana amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

[PN. (U²) 925.]

AKTA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN MINYAK
KELAPA SAWIT 1978

Pindaan-pindaan yang akan dibentangkan dalam
Jawatankuasa oleh Menteri Perusahaan Utama

Fasal 1(1) - Potong nota bidai dan gantikannya
dengan yang berikut:-

"Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa
dan pemakaian."

Fasal 1(2) - Potong nota bidai.

Fasal 2 - Dalam takrif "minyak kelapa sawit"
masukkan perkataan-perkataan "dalam
bentuk" selepas sahaja perkataan
"atau" dalam baris dua dan gantikan
perkataan "dari," dalam baris yang
sama dengan perkataan "yang".

Fasal 7(2)(e) - Gantikan perkataan "are" yang ter-
(Naskah Bahasa dapat dalam baris tiga dengan per-
Inggeris) katan "is".

Fasal 9(2)(b) - Gantikan perkataan "are" yang ter-
(Naskah Bahasa dapat dalam baris empat dengan
Inggeris) perkataan "is".

Fasal 10(3)(e)- Gantikan perkataan "contributions" yang
(Naskah Bahasa terdapat dalam baris pertama dengan
Inggeris) perkataan "contributions".

- 2 -
- Fasal 14 (2) - Gantikan angka "77" yang terdapat
(Naskah Bahasa dalam nota bidai dengan angka "67".
Inggeris)
- Fasal 17 - Gantikan perkataan "section"
(Naskah Bahasa yang terdapat dalam baris enam
Inggeris) nota bidai dengan perkataan
"sections".
- Jadual - Gantikan perkataan "chairman"
(perenggan 2) yang terdapat dalam baris tiga
(Naskah Bahasa dengan perkataan "Chairman".
Inggeris)
- Huraian - (i) Gantikan perkataan-perkataan
(Perenggan 7) "provision (clause 17) which seeks"
(Naskah Bahasa yang terdapat dalam baris pertama
Inggeris) dengan perkataan-perkataan "provisions
(clause 17) which seek".
- (ii) Gantikan perkataan "(Incorporation"
yang terdapat dalam baris lima
dengan perkataan "(Incorporation)".

H U R A I A N

Pindaan-pindaan ini adalah pindaan-pindaan
Gubalan.

Jabatan Peguam Negara,
Kuala Lumpur,
15hb. Disember 1978.

[PN.(U2) 925]

AKTA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN MINYAK
KELAPA SAWIT 1978

Pindaan-pindaan yang akan dibentangkan dalam
Jawatankuasa oleh Menteri Perusahaan Utama

Fasal 1(1) - Potong nota bidai dan gantikannya
dengan yang berikut:-

"Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa
dan pemakaian."

Fasal 1(2) - Potong nota bidai.

Fasal 2 - Dalam takrif "minyak kelapa sawit"
masukkan perkataan-perkataan "dalam
bentuk" selepas sahaja perkataan
"atau" dalam baris dua dan gantikan
perkataan "dari," dalam baris yang
sama dengan perkataan "yang".

Fasal 7(2)(e) - Gantikan perkataan "are" yang ter-
(Naskah Bahasa dapat dalam baris tiga dengan per-
Inggeris) katan "is".

Fasal 9(2)(b) - Gantikan perkataan "are" yang ter-
(Naskah Bahasa dapat dalam baris empat dengan
Inggeris) perkataan "is".

Fasal 10(3)(e)- Gantikan perkataan "contributions" yang
(Naskah Bahasa terdapat dalam baris pertama dengan
Inggeris) perkataan "contributions".

- Fasal 14 (2) - Gantikan angka "77" yang terdapat
(Naskah Bahasa dalam nota bidai dengan angka "67".
Inggeris)
- Fasal 17 - Gantikan perkataan "section"
(Naskah Bahasa yang terdapat dalam baris enam
Inggeris) nota bidai dengan perkataan
"sections".
- Jadual - Gantikan perkataan "chairman"
(perenggan 2) yang terdapat dalam baris tiga
(Naskah Bahasa dengan perkataan "Chairman".
Inggeris)
- Huraian - (i) Gantikan perkataan-perkataan
(Perenggan 7) "provision (clause 17) which seeks"
(Naskah Bahasa yang terdapat dalam baris pertama
Inggeris) dengan perkataan-perkataan "provisions
(clause 17) which seek".
- (ii) Gantikan perkataan "(Incorporation"
yang terdapat dalam baris lima
dengan perkataan "(Incorporation)".

H U R A I A N

Pindaan-pindaan ini adalah pindaan-pindaan
Subalan.

Jabatan Peguam Negara,
Kuala Lumpur,
15hb. Disember 1978.

[PN.(U2) 925]